

SKIM PEMBIAYAAN

TEKUN MOBILEPRENEUR 4.0



Sebagai langkah berjaga-jaga bagi membendung penularan wabak Covid-19 anda digalakkan berurusan melalui saluran berikut :

YouTube | Facebook | Twitter | Instagram @tekunasional

Phone: 03 9059 8888 (Waktu pejabat)

Website: <http://fems.tekun.gov.my/>

"Teman Niaga Anda"



SKIM PEMBIAYAAN TEKUN MOBILEPRENEUR 4.0

APAKAH SKIM PEMBIAYAAN TEKUN MOBILEPRENEUR 4.0?

- Pembiayaan Modal kepada Usahawan Perkhidmatan Penghantaran menggunakan motosikal.
- Program ini merupakan salah satu initiatif Kerajaan melalui TEKUN Nasional untuk memberi peluang menjana pendapatan kepada golongan yang hilang punca pendapatan serta terjejas akibat penularan Covid-19 serta arahan PKP yang bermula pada 18 Mac 2020 yang lalu.
- Pembiayaan TEKUN Mobilepreneur 4.0 juga merupakan kesinambungan Program TEKUN Mobilepreneur 1.0, 2.0 & 3.0 yang telah dilaksanakan sebelum ini bermula pada bulan April 2020.
- Pembiayaan TEKUN Mobilepreneur 4.0 disediakan kepada peserta untuk tujuan berikut:
 - Pembelian motosikal
 - Baik pulih motosikal
 - Modal pusingan

SIAPAKAH YANG LAYAK MEMOHON PEMBIAYAAN TEKUN MOBILEPRENEUR 4.0?

- Warganegara Malaysia (Bumiputera / India)
- Berumur 18-60 tahun (Tempoh pembiayaan tamat sehingga 65 tahun).
- Pemohon bukan seorang yang muflis.
- Mempunya lesen memandu B1 / B2 yang sah.
- Mempunya pelantikan yang sah daripada syarikat e-hailing yang berdaftar.
- Mempunya motosikal sendiri yang berdaftar dan sah – bagi permohonan baik pulih motosikal dan modal pusingan.
- Mengemukakan dokumen asal sebutharga pembelian motosikal daripada pembekal yang sah
- bagi permohonan membeli motosikal.
- Terlibat secara langsung atau separuh masa dalam aktiviti perniagaan.
- Peserta perlu mematuhi garis panduan serta terma dan syarat-syarat yang dikuatkuasakan oleh Kementerian Pengangkutan Awam (MOT)
- Pemohon yang mendapat surat sokongan dan disyorkan oleh mana-mana syarikat e-Hailing adalah diberikan keutamaan.



SKIM PEMBIAYAAN TEKUN MOBILEPRENEUR 4.0



Berapakan jumlah pembiayaan TEKUN Mobilepreneur 4.0?

Nilai Pembiayaan RM1,000 – RM10,000 mengikut tujuan permohonan seperti berikut:

BIL	TUJUAN PERMOHONAN	HAD PEMBIAYAAN
1	<ul style="list-style-type: none">Baik pulih motosikalPembelian motosikalModal pusingan	Sehingga RM10,000



Bagaimana kaedah permohonan pembiayaan TEKUN Mobilepreneur 4.0?

- Peserta boleh merujuk atau hadir ke Pejabat Cawangan TEKUN yang berdekatan untuk mendapatkan penerangan lanjut dan Borang Permohonan Pembiayaan.
- Maklumat lengkap Pejabat Cawangan TEKUN di seluruh negara boleh dilayari melalui link berikut :
www.tekun.gov.my/ms/hubungi-kami/connections/



SKIM PEMBIAYAAN TEKUN MOBILEPRENEUR 4.0

BERAPAKAH KADAR KEUNTUNGAN TEKUN MOBILEPRENEUR 4.0?

Tempoh bayaran balik pembiayaan 1 tahun sehingga 3 tahun

BERAPAKAH KADAR KEUNTUNGAN TEKUN MOBILEPRENEUR 4.0?

Kadar keuntungan yang dikenakan adalah sebanyak 4% setahun

BERAPAKAH KADAR KEUNTUNGAN TEKUN MOBILEPRENEUR 4.0?

7 hari bekerja

ADAKAH TEKUN MELANTIK EJEN / WAKIL UNTUK MENGURUSKAN PEMBIAYAAN TEKUN MOBILEPRENEUR 4.0?

TEKUN tidak melantik ejen / wakil untuk menguruskan permohonan pembiayaan TEKUN Mobilepreneur 4.0



SKIM PEMBIAYAAN TEKUN MOBILEPRENEUR 4.0

Apakah dokumen permohonan yang diperlukan?

- Borang permohonan pembiayaan (JPP02 / JPP17)
- Gambar pemohon ukuran passport
- Salinan kad pengenalan pemohon dan pasangan (jika berkaitan) - muka hadapan dan belakang
- Salinan lesen memandu B1 / B2 yang sah
- Sebutharga pembelian motosikal daripada pembekal yang sah - bagi permohonan membeli motosikal
- Salinan geran motosikal yang sah - bagi permohonan baik pulih motosikal dan modal pusingan
- Salinan cukai jalan motosikal yang sah - bagi permohonan baik pulih motosikal dan modal pusingan
- Gambar pemohon bersama motosikal (perlu nampak nombor pendaftaran motosikal) – bagi permohonan baik pulih motosikal dan modal pusingan
- Surat sokongan Syarikat e-Hailing / Bukti pendaftaran bersama Syarikat e-Hailing
- Salinan buku bank simpanan / penyata bank pemohon (muka pertama dan transaksi terakhir)
- Salinan salah satu bil utiliti (elektrik / air / telefon)
- Peta lokasi rumah dari Pejabat Cawangan TEKUN yang berdekatan

Adakah usahawan TEKUN sedia ada layak memohon TEKUN Mobilepreneur 4.0.?

Usahawan TEKUN sediada adalah layak untuk memohon TEKUN Mobilepreneur 4.0 mengikut syarat seperti berikut:

- Usahawan sedia ada dalam Kategori A3 dan ke bawah.
- Manakala kategori Penjadualan Semula (PS) perlu dalam Kategori A1 dalam tempoh 6 bulan.
- Peserta yang telah mendapat pembiayaan TEKUN Mobilepreneur 1.0, 2.0 dan 3.0 (tujuan baik pulih motosikal), layak membuat permohonan TEKUN Mobilepreneur 4.0 untuk tujuan membeli motosikal dengan syarat jumlah kelulusan pembiayaan (Mobilepreneur 1.0 / 2.0 dan Mobilepreneur 3.0) maksimum sehingga RM10,000 melalui pembiayaan bertindih (overlapping loan).
- Peserta yang telah mendapat pembiayaan TEKUN Mobilepreneur 2.0 dan 3.0 (tujuan pembelian motosikal) layak mendapat pembiayaan TEKUN Mobilepreneur 4.0. Kelayakan pembiayaan bertindih bagi pembelian motosikal kali kedua atau yang berikutnya adalah selepas 1 tahun dan telah membayar separuh daripada baki pembiayaan.

